

Tidak dapat pergi ke tempat mengundi?

Mengundi dalam Pilihanraya Umum 2023

Anda boleh mengundi dalam Pilihanraya Umum 2023 bermula dari hari Isnin 2 Oktober hingga 7 malam pada hari mengundi, iaitu hari Sabtu, 14 Oktober. Semak [vote.nz](#) untuk waktu operasi dan lokasi tempat mengundi sebelum anda ke sana.

Sekiranya anda tidak dapat ke tempat mengundi, anda masih boleh mengundi.



Maklumat lanjut boleh didapati daripada:

- Layari [vote.nz](#)
- Hubungi **0800 36 76 56**



Complete this form to authorise someone to collect voting papers on your behalf

Voter's details. Please print clearly.

My first name(s) are:

My last name is:

My contact telephone number is:

Address where I am enrolled to vote:

✓ Tick the electoral roll you believe you are enrolled on:

General roll

Māori roll

Maklumat tentang lokasi pengundian dan waktu mengundi ada tersedia di **vote.nz** atau hubungi **0800 36 76 56**. Maklumat ini juga akan disertakan di dalam pek EasyVote yang akan diedarkan kepada pengundi berdaftar melalui pos.

Anda boleh mula mengundi pada Isnin, 2 Oktober sehingga 7 malam pada hari mengundi, Sabtu, 14 Oktober di tempat mengundi yang ditetapkan. Semak **vote.nz** untuk waktu operasi dan lokasi tempat mengundi sebelum anda ke sana. Tempat mengundi dibuka pada hari mengundi, Sabtu, 14 Oktober bermula 9 pagi hingga 7 malam.

Bekerja pada hari mengundi?

Menurut undang-undang, anda dibenarkan mengambil masa untuk keluar mengundi pada hari mengundi. Anda juga boleh mengundi lebih awal di mana-mana lokasi pengundian bermula Isnin 2 Oktober.

Anda masih boleh mengundi jika anda berada di rumah penjagaan

Jika anda berada di rumah penjagaan, anda tidak perlu menghubungi kami. Pengurus Pengundi tempatan akan menghubungi pengurus rumah penjagaan anda untuk mengurus proses pengundian untuk anda.

Anda masih boleh mengundi jika anda berada di hospital

Sekiranya anda tidak dapat ke tempat mengundi kerana anda tidak sihat atau berada di hospital, anda boleh membenarkan rakan atau ahli keluarga anda untuk mengambil kertas undi bagi pihak anda bermula Isnin 2 Oktober. Jika anda dijadualkan untuk dimasukkan ke hospital sebelum hari mengundi, anda digalakkan supaya mengundi lebih awal bermula hari Isnin, 2 Oktober. Hubungi kami di **0800 36 76 56** untuk maklumat lanjut.



Pilihan anda sekiranya anda tidak dapat pergi ke tempat mengundi

Kami menyediakan perkhidmatan mengundi untuk mereka yang tidak dapat pergi ke lokasi mengundi. Sekiranya anda tidak dapat membuang undi secara peribadi, contohnya, disebabkan keadaan kesihatan atau mobiliti yang tidak mengizinkan, anda boleh meminta seseorang untuk membawakan kertas undi anda atau memohon supaya kertas undi dihantar kepada anda.



Minta bantuan seseorang untuk mengambil kertas undi

Sekiranya anda tidak dapat hadir ke lokasi mengundi, lengkapkan dan tandatangani borang yang dilampirkan, dan mohon supaya salah seorang rakan atau ahli keluarga anda untuk membawa borang tersebut ke tempat mengundi bagi pihak anda. Individu tersebut akan mengambil kertas undi untuk dilengkapkan sebelum dihantar semula kepada pihak kami. Sekiranya tiada sesiapa yang dapat mewakili anda untuk mengambil kertas undi bagi pihak anda, kami sedia membantu bagi proses mendapatkan kertas undi tersebut untuk anda. Sila hubungi kami di **0800 36 76 56**.



Cara mengembalikan kertas undi

Anda boleh:

Memohon bantuan sesiapa sahaja untuk menghantar kertas undi yang telah dilengkapkan ke tempat mengundi dan tiba sebelum 7 malam, Sabtu, 14 Oktober.

Jika anda mempunyai pek kurier, sila ikut arahan pada pek tersebut bagi urusan kutipan oleh pihak kurier atau hubungi kami di **0800 36 76 56** sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan.

Give my voting papers to the person I have authorised

The name of the person I have authorised to collect and deliver my voting papers to me is:



I have been authorised to collect and deliver voting papers to the voter named on this form.

Signature of authorised person	Date
--------------------------------	------

Signature of voter	Date
--------------------	------

Note: this application must be signed for it to be valid